

Ahli perniagaan rugi RM56,560 ditipu Macau Scam

Kuantan: Seorang ahli perniagaan kerugian RM56,560 akibat diperdaya sindiket penipuan 'Macau Scam' yang mendakwa kononnya mangsa terbabit dengan pengubahan wang haram.

Kejadian berlaku pada 28 April lalu apabila lelaki berusia 48 tahun itu diminta sindiket untuk memindahkan wang simpanan dari akaun miliknya itu ke satu akaun lain yang diberikan atas alasan bagi tujuan audit pihak polis.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, mengesahkan kejadian itu susulan

laporan dibuat mangsa di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan, kelmarin.

Beliau berkata, kejadian bermula 25 April lalu apabila lelaki itu menerima panggilan daripada seorang wanita kononnya pekerja Pos Laju, yang mendakwa mangsa menghantar bungkusan ke Sabah yang mengandungi kad pengenalan, lapan keping kad mesin juruwang automatik (ATM) dan satu buku cek.

"Mangsa menafikan perkara itu sebelum wanita berkenaan memintanya membuat laporan polis di Sabah secara dalam ta-

lian melalui panggilan telefon.

"Panggilan itu disambungkan kepada lelaki lain yang mendakwa 'pegawai polis' yang kemudian menyatakan mangsa juga terbabit dengan kes pengubahan wang haram.

"Mangsa yang bimbang ditangkap, mengikut arahan 'pegawai polis' itu untuk memindahkan wang simpanannya ke satu akaun diberikan menerusi dua transaksi pada 28 April lalu, kononnya bagi tujuan audit oleh pihak polis," katanya melalui kenyataan media, di sini semalam.

Mohd Wazir berkata, suspek

mendakwa audit akan mengambil masa seminggu dan wang yang dipindahkan mangsa itu akan dipulangkan.

Bagaimanapun, katanya sehingga kelmarin ahli perniagaan itu tidak menerima wang berkenaan selain gagal menghubungi 'pegawai polis' terbabit.

"Kita sudah terima laporan polis dibuat mangsa dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun, sebat dan boleh didenda, jika sabit kesalahan," katanya.